



# **PROSES PENGELASAN DAN PENGELASAN SEMULA**

**ANUAR BIN SERAN**

**PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA  
JABATAN PERDANA MENTERI  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

**\*OBJEKTIF**

**UNTUK MEMBERI KEFAHAMAN  
TENTANG PENGELASAN DAN  
PENGELASAN SEMULA RAHSIA  
RASMI SELARAS DENGAN  
KEHENDAK AKTA RAHSIA  
RASMI 1972**

# \***PENGENALAN**

\*SURAT PEKELILING AM BIL. 2 TAHUN 1987 -  
PENGURUSAN RAHSIA RASMI SELARAS DENGAN  
AKTA RAHSIA RASMI (PINDAAN) 1986

\***TUJUAN PEKELILING :**

\*Menetap dan menjelaskan peraturan yang perlu dipatuhi oleh Jabatan dan Agensi Kerajaan dalam pengurusan Rahsia Rasmi selaras dengan peruntukan Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986

## Rujukan:

- \* **Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1987.**
- \* **Buku Arahan Keselamatan.**
- \* **Akta Rahsia Rasmi 1972.**
- \* **Akta Arkib Negara.**

# \*Arahan Keselamatan

- \* Tidak boleh dimusnahkan **melainkan** mengikut Arahan Keselamatan kerajaan.  
(Para 71 A.K)
- \* Rujukan kepada PKK dan ARKIB terlebih dahulu. (Para 73 A.K)



# \*RAHSIA RASMI

Apa-apa suratan yang dinyatakan dalam Jadual dan apa-apa maklumat dan bahan berhubungan dengannya dan termasuklah apa-apa suratan rasmi, maklumat dan bahan lain sebagaimana yang boleh dikelaskan sebagai ‘Rahsia Besar’, ‘Rahsia’, ‘Sulit’ atau ‘Terhad’, mengikut mana yang berkenaan, oleh seorang Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri atau mana-mana pegawai awam yang dilantik di bawah seksyen 2B.

# **PERKARA DALAM JADUAL**

Suratan, rekod keputusan dan pertimbangan **Jemaah Menteri** termasuklah juga suratan, rekod keputusan dan pertimbangan jawatankuasa-jawatankuasa Jemaah Menteri;

Suratan, rekod keputusan dan pertimbangan **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri** termasuklah juga suratan, rekod keputusan dan pertimbangan jawatankuasa-jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri;

Suratan berkenaan dengan **keselamatan negara, pertahanan dan perhubungan antarabangsa.**

## **PERKARA LUAR JADUAL**

Apa-apa suratan rasmi, maklumat dan bahan lain sebagaimana yang boleh dikelaskan sebagai ‘Rahsia Besar’ ‘Rahsia’ ‘Sulit’ atau ‘Terhad’ mengikut mana yang berkenaan oleh seorang Menteri, Menteri Besar / Ketua Menteri sesuatu negeri atau mana-mana pegawai awam yang dilantik di bawah seksyen 2B.

# ***PERKARA LUAR JADUAL***

- PERKARA-PERKARA RASMI ***SELAIN*** DARIPADA PERKARA-PERKARA YANG DINYATAKAN DI DALAM JADUAL.
- IA HANYA AKAN MENJADI RAHSIA RASMI SETELAH ***DIKELASKAN*** OLEH SEORANG MENTERI, MENTERI BESAR ATAU KETUA MENTERI SESUATU NEGERI ATAU MANA-MANA PEGAWAI AWAM YANG DILANTIK DI BAWAH SEKSYEN 2B AKTA RAHSIA RASMI 1972.

## Seksyen 2B - Pelantikan Pegawai Awam untuk mengelaskan suratan rasmi

Seseorang Menteri/MB/KM sesuatu negeri boleh melantik mana-mana pegawai awam melalui suatu perakuan di bawah tandatangannya untuk mengelaskan apa-apa suratan rasmi, maklumat atau bahan sebagai Rahsia Besar, Rahsia, Sulit atau Terhad mengikut mana yang berkenaan.

# CONTOH

PERDANA MENTERI  
MALAYSIA



## AKTA RAHSIA RASMI 1972

### PERLANTIKAN DI BAWAH SEKSYEN 2B

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 2B Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88), saya Najib bin Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dengan ini melantik

*Dato' Haji Johari bin Haji Jamaluddin  
Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan  
Jabatan Perdana Menteri*

seorang pegawai awam untuk mengelaskan apa-apa suratan rasmi, maklumat atau bahan sebagai "Rahsia Besar", "Rahsia", "Sulit" atau "Terhad".

(NAJIB BIN ABDUL RAZAK)  
PERDANA MENTERI MALAYSIA

Bertarikh: 21 MEI 2009  
PM (R) 10308/3

# CONTOH

# \*SIAPA PEGAWAI PENGELAS

Pelantikan Pegawai Awam untuk mengelaskan dokumen

- adalah merujuk kepada Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1987 bertarikh 20 Februari 1987.
- surat pelantikan diperakukan oleh Menteri di porfolio yang berkenaan;
- pelantikan pegawai awam adalah atas nama, jawatan yang disandang dan kementerian/ jabatan yang beliau bertanggungjawab;
- prosedur pengelasan adalah mengikut yang termaktub di dalam ARAHAN KESELAMATAN

# **Pelantikan Pegawai Awam untuk mengelaskan Rahsia Rasmi**

## **Peringkat Persekutuan**

<b>Kementerian</b>	-	<b>KSU Kementerian, TKSU</b>
<b>Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan</b>	-	<b>SUB</b>
		<b>Ketua Jabatan</b>
		<b>Timbalan Ketua Jabatan</b>
		<b>Ketua Bahagian Tingkatan &amp; ke atas</b>
<b>Peringkat Negeri</b>	-	<b>SUK Negeri, TSUK Negeri</b>
	-	<b>KPSU Negeri Tingkatan G &amp; ke atas</b>
<b>Jabatan &amp; Badan Berkanun Peringkat Daerah</b>	-	<b>Ketua Jabatan, Timbalan KJ</b>
	-	<b>Pegawai Daerah/Ketua Jabatan</b>

# **\*PENGELASAN DOKUMEN RASMI**

## **\*CIRI-CIRI PENTING :**

- \*PEGAWAI AWAM TELAH DILANTIK**
- \*BUKU-BUKU DAFTAR SURATAN RAHSIA  
RASMI (AM 492, AM 492A, AM 492B)**
- \*CAP PENGELASAN**
- \*DOKUMEN RASMI DI LUAR JADUAL**
- \*DOKUMEN DIKELUARKAN OLEH JABATAN  
SENDIRI**

# **\*PROSES PENGELASAN**

**\*MENGANDUNGI 4 TINDAKAN :**


**\*MENYEMAK**

**\*MENILAI**

**\*MEMBERI TANDA**

**\*MENDAFTAR**

# \* CARTA ALIRAN PROSES PENGELASAN



**\*<sup>2</sup> JENIS BUKU DAFTAR :**

**AM 492**

**AM 492 A**

## Daftar Am 492

- khas untuk merekod suratan/dokumen rahsia rasmi berhubung di bawah jadual;
- mengandungi 10 ruang;
- ruang pertama hingga enam dipenuhi bagi suratan yang dikeluarkan;
- ruang tujuh hingga sepuluh hanya dipenuhi apabila suratan berkenaan dikelaskan semula;
- ruangan sembilan perlu ditandatangani oleh penama mengikut kuasa di bawah seksyen 2C Akta Rahsia Rasmi 1972 apabila dokumen berkenaan dikelaskan semula.

\* Daftar Suratan Rahsia Rasmi  
Di Bawah Jadual Akta Rahsia Rasmi 1972  
Dan Berhubungan Dengannya. (Am 492)

## Daftar Am 492A

- Khas untuk merekod suratan/dokumen rahsia rasmi di luar jadual dan berhubungan dengannya yang dikelaskan sebagai Rahsia Besar, Rahsia, Sulit atau Terhad;
- Mengandungi lapan (8) ruang untuk dipenuhi bagi setiap dokumen rahsia rasmi yang dikeluarkan;
- ruangan tandatangan - oleh mereka yang ada kuasa / pegawai awam yang dilantik di bawah Seksyen 2B, Akta Rahsia Rasmi 1972

**\* Daftar Suratan Rahsia Rasmi  
Di Luar Jadual Akta Rahsia Rasmi 1972  
Dan Berhubungan Dengannya. (Am 492A)**

Bil	TARIKH SURAT	RUJUKAN SURAT	PERKARA	PENGELASAN	DIKELASKAN OLEH	TANDA TANGAN	CATATAN

**\* PENGELASAN SEMULA  
(DECLASSIFICATION)  
DOKUMEN RAHSIA RASMI**

**\*CIRI-CIRI PENTING :**

- \*DOKUMEN DALAM JADUAL**
- \*DOKUMEN LUAR JADUAL**
- \*KANDUNGAN TIDAK LAGI RAHSIA RASMI**
- \*DOKUMEN DIKELUARKAN OLEH JABATAN SENDIRI**

## **Seksyen 2C – Pengelasan semula rahsia rasmi oleh Menteri atau pegawai awam.**

**Seseorang Menteri atau pegawai awam yang dipertanggungkan dengan apa-apa tanggungjawab terhadap mana-mana Kementerian, jabatan atau mana-mana perkhidmatan awam atau Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri atau ketua pegawai yang menjaga hal-ehwal pentadbiran sesuatu Negeri boleh, pada bila-bila masa, mengelaskan semula apa-apa suratan yang di nyatakan dalam Jadual atau apa-apa suratan rasmi, maklumat atau bahan sebagaimana yang telah dikelaskan dan selepas pengelasan semula itu, suratan, maklumat atau bahan tersebut hendaklah terhenti menjadi rahsia rasmi.**

# \*MENUBUHKAN JAWATANKUASA

- \*Pengerusi - Ketua Jabatan / Timbalan KJ
  - \*Ahli
    - Pendaftar Rahsia / Sulit
    - Pegawai Rekod Jabatan
    - Lain - lain pegawai yg dibenar ekses kepada fail.
    - Pegawai Keselamatan Kerajaan (selaku Penasihat)

# \***TUGAS JAWATANKUASA**

- \* Mengenalpasti, menyemak dan mengkaji fail-fail, dokumen.
- \* Membuat penyisihan (sorting) dokumen dari jabatan luar.
- \* Proses ‘Pengelasan Semula’.
- \* Pemusnahan.
- \* Perakuan pemusnahan.

- \* Proses Mengenalpasti, Menyemak  
Mengkaji fail-fail, Dokumen.
- \* Merekod fail-fail ke dalam Borang Senarai Pelupusan (Lampiran A)
- \* Kaji status dokumen bertarikh sebelum 01 Jan 1987.
- \* Membuat semakan dokumen sendiri dan dari jabatan luar.
- \* Mengkaji samada kandungan dokumen tersebut masih lagi mempunyai nilai / sensitiviti.

**Lampiran A**

**SENARAI PELUPUSAN PERKARA TERPERINGKAT  
TAHUN \_\_\_\_\_**

**KEMENTERIAN :  
JABATAN :  
\_\_\_\_\_**

Bil	Perkara / Tajuk (Fail)	No. Rujukan	Tarikh-tarikh Daripada / Kepada	Bil. Lampiran	Pengelasan	Musnah / Simpan	Catatan

\* Proses penyisihan (sorting) dokumen dari jabatan luar.

- \* Kenalpasti dokumen dari Jabatan luar.
- \* Dapatkan kebenaran dari jabatan berkenaan untuk pemusnahan.
- \* Jika kebenaran tidak diperolehi, dokumen berkenaan dikembalikan kepada pemula.

# **\*PROSES PENGELASAN SEMULA**

**\*MENGANDUNGI 4 TINDAKAN :**

**\*MENYEMAK**

**\*MENILAI**

**\*MEMBERI TANDA**

**\*MENDAFTAR**

# MENYEMAK

- \* Dokumen dari jabatan sendiri sahaja.
- \* Samada Perkara Dalam Jadual atau Luar Jadual.
- \* Kandungan dokumen itu tidak penting / sensitif.

pengelasan semula dokumen rahsia rasmi tersebut diasas kepada kandungan yang mana tidak lagi membawa apa-apa implikasi termasuk:

- (i) kerosakan yang amat besar kepada negara; atau
- (ii) membahayakan keselamatan negara; atau
- (iii) keadaan serba-salah kepada kerajaan

# Tanda

- \* Sediakan ‘cop getah’

**Dikelaskan Semula di bawah Sek 2C  
untuk terhenti menjadi Rahsia Rasmi**

Pada : \_\_\_\_\_

Oleh : \_\_\_\_\_

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama & Cap rasmi jabatan

# Rekod dlm Buku Daftar

## \* Perkara Dalam Jadual


\* Am 492

\* Ruangan 7,8,9,10

## \* Perkara Luar Jadual

\* Am 492B

# \* CARTA ALIRAN PROSES PENGELASAN SEMULA



**\*2 BUKU DAFTAR**

**AM 492**

**AM 492B**

# Daftar Am 492B

- Merekod suratan / dokumen rahsia rasmi di luar jadual untuk Pengelasan Semula;
- Mengandungi lapan (8) ruang untuk dipenuhi bagi setiap dokumen rahsia rasmi yang dikeluarkan;
- Rekod Asal - dapatkan dari Daftar Am 492 A
- Tandatangan oleh pegawai yang di ada kuasa di bawah Seksyen 2C, Akta Rahsia Rasmi 1972

**\* Daftar Suratan Rahsia Rasmi  
Di Luar Jadual Akta Rahsia Rasmi 1972  
Dan Berhubungan Dengannya Yang Dikelaskan Semula. (Am 492B)**

\* Daftar Suratan Rahsia Rasmi  
Di Bawah Jadual Akta Rahsia Rasmi 1972  
Dan Berhubungan Dengannya. (Am 492)

# **TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN SELEPAS PENGELASAN SEMULA**

- 1.** ***Memaklumkan*** kepada Jabatan lain berkenaan dokumen yang telah dikelaskan semula itu.
  
- 2.** ***Fail*** yang mana dokumen di dalamnya terhenti menjadi Rahsia Rasmi hendaklah dihantar ke Arkib Negara/ Negeri mana yang berkenaan.
  
- 3.** ***Sekiranya*** fail atau dokumen tersebut hendak dilupuskan maka rujukan kepada pihak yang sepatutnya hendaklah dibuat.
  
- 4.** ***Penyemakan*** dokumen rahsia rasmi hendaklah dibuat sekurang-kurangnya ***5 tahun sekali***.

# **\*PENYIMPANAN BUKU DAFTAR**

- \*Disimpan dalam bekas yang selamat – kabinet keluli, dsb.**
- \*Pendaftar Rahsia / mereka yang diberi tanggungjawab menguruskan.**

# \*Pemusnahan.



- \*Hantar kepada Arkib Negara.
- \*Cara-Cara Pemusnahan (meliputi buangan terperingkat) :
  - \*Koyak kecil-kecil / dirincih halus, dan
  - \*Dibakar mengikut peraturan keselamatan dan diawasi oleh Penjawat Awam yang dibenarkan ekses.



# \*Sijil Pemusnahan.

- \*Dokumen terperingkat Rahsia Besar.
- \*Dihantar kepada kuasa pemula.
- \*Jika kuasa pemula tidak wujud lagi, rujuk kepada Pegawai Keselamatan Kerajaan, sebelum dokumen tersebut dimusnahkan.

# \*KESIMPULAN

- \*Dokumen merupakan aset negara dan perlu diuruskan mengikut peraturan yang ditetapkan Kerajaan.
- \*Prosedur pemusnahan dipatuhi bagi menjamin RAHSIA KERAJAAN terpelihara.

# \* Penutup

Pengendalian yang betul Buku Daftar Rahsia Rasmi perlu bagi memastikan dokumen rahsia rasmi tersebut diurus mengikut peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Pekeliling Am Bil. 2 / 1987.

*\*SESI*

*SOAL JAWAB*



SEKIAN,  
TERIMA KASIH.